

**PENYERTAAN KOMUNITI LUAR BANDAR DALAM BIDANG
KEUSAHAWANAN MELALUI PROGRAM GERAKAN DAYA WAWASAN
(GDW)
(THE PARTICIPATION OF RURAL COMMUNITY IN ENTREPRENEURSHIP THROUGH
THE *GERAKAN DAYA WAWASAN* (GDW) PROGRAMME)**

AZLIZAN BIN TALIB, HAMZAH JUSOH & YAHAYA IBRAHIM

ABSTRAK

Seringkali ditimbulkan dalam kajian-kajian yang telah dijalankan sebelumnya bahawa aktiviti pembangunan yang baru seperti aktiviti keusahawanan, bakal memberikan impak yang besar yang sekali gus membawa perubahan terhadap aspek sosioekonomi dan fizikal komuniti tempatan, terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga. Negara-negara ini yang rata-ratanya suatu masa dahulu ketinggalan dari segi pembangunan, kini berlumba-lumba memajukan bidang keusahawanan yang berpotensi untuk dimajukan. Dalam usaha menjayakan program pembangunan yang dirancang, komuniti tempatan memainkan peranan sebagai penyokong ke arah memakmur dan memajukan lagi bidang tersebut melalui penglibatan yang positif. Dalam konteks keusahawanan, penyertaan penduduk tempatan amat perlu bukan sahaja sebagai pengusaha dan tenaga kerja dalam sektor ini dan juga sektor-sektor pelengkap yang lain, malah mereka boleh berperanan menggalakkan lagi penglibatan penduduk lain untuk turut serta bersama-sama memajukan bidang keusahawanan ini. Kesediaan komuniti tempatan terutamanya penduduk di kawasan luar bandar melalui program Gerakan Daya wawasan (GDW) merupakan suatu sokongan moral terhadap sektor keusahawanan yang juga secara langsung mencerminkan kesediaan mereka untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Lazimnya, untuk mencapai keadaan ekonomi yang lebih pesat ini perlu melibatkan komponen penggunaan barangan dan perkhidmatan. Dengan meningkatnya kadar ekonomi, menyebabkan keperluan ini boleh meningkat secara mendadak. Berkaitan dengan hal ini, kewujudan dan keupayaan rangkaian bekalan untuk memenuhi keperluan adalah sangat penting. Justeru itu, tanggungjawab ini boleh diberikan kepada industri kecil. Hal ini berlaku sedemikian kerana industri kecil bukan sahaja dapat membantu untuk menghasilkan barangan keperluan tersebut, tetapi juga dapat dijadikan nadi penggerak dan tulang belakang untuk mendokong dasar keperluan pembangunan industri negara.

Kata kunci : penyertaan komuniti, keusahawanan, Gerakan Daya Wawasan

ABSTRACT

It is often brought up in past researches that new development activities such as entrepreneurship will simultaneously affect and change the socioeconomic and physical aspects of local community, especially in the third world countries. Once, these countries were generally lagging behind in development, but now they are pursuing the development in entrepreneurship. In achieving successful development programme planned, local community plays an important role in supporting toward establishing and building this field through positive involvement. In the context of entrepreneurship, participation by the locals is highly needed not only as entrepreneurs and workforce in this sector and other complementary sectors; but also as advocates for other locals to join in developing entrepreneurship. The willingness of the local community especially those in rural areas in supporting the *Gerakan Daya Wawasan* (GDW) programme act as a moral support on entrepreneurship sector which

directly reflects their willingness to involve in this field. Usually, in achieving better economic performance, it involves the consumption of goods and services components. With increased economic performance, the requirement for these items increased rapidly. Thus, the existence and ability of supply chain in fulfilling the requirement is important. As such, this responsibility can be delegated to small industries. This is possible since small industry not only can produce the required goods; but also acts as the nerve and backbone in supporting the nation's industrial development needs.

Keywords: community participation, entrepreneurship, Gerakan Daya Wawasan

1.0 Pengenalan

Seringkali ditimbulkan dalam kajian-kajian yang telah dijalankan sebelumnya bahawa aktiviti pembangunan yang baru seperti aktiviti keusahawanan, bakal memberikan impak yang besar yang sekali gus membawa perubahan terhadap aspek sosioekonomi dan fizikal komuniti tempatan, terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga. Negara-negara ini yang rata-ratanya suatu masa dahulu ketinggalan dari segi pembangunan, kini berlumba-lumba memajukan bidang keusahawanan yang berpotensi untuk dimajukan. Oleh yang demikian, pelaburan dalam bidang ini terbuka luas kepada sesiapa sahaja terutama bagi mereka yang berkemampuan dari segi modal, kemahiran dan juga kadang-kala kuasa politik bagi menzahirkan agenda pembangunan tersebut.

Dalam usaha menjayakan program pembangunan yang dirancang, komuniti tempatan memainkan peranan sebagai penyokong ke arah memakmur dan memajukan lagi bidang tersebut melalui penglibatan yang positif. Dalam konteks keusahawanan, penyertaan penduduk tempatan amat perlu bukan sahaja sebagai pengusaha dan tenaga kerja dalam sektor ini dan juga sektor-sektor pelengkap yang lain, malah mereka boleh berperanan menggalakkan lagi penglibatan penduduk lain untuk turut serta bersama-sama memajukan bidang keusahawanan ini. Kesediaan komuniti tempatan merupakan suatu sokongan moral terhadap sektor keusahawanan yang juga secara langsung mencerminkan kesediaan mereka untuk melibatkan diri dalam bidang ini (Yahaya, 2008).

Lebih penting daripada itu, dengan keadaan ekonomi yang berkembang dan tumbuh dengan pesat, sekali gus memberikan satu era baru dan peluang yang lebih terbuka serta kejayaan yang cemerlang ke arah membangunkan industri kecil. Industri kecil bukan sahaja dapat membantu untuk menghasilkan barangan keperluan, tetapi juga dapat dijadikan nadi penggerak dan tulang belakang untuk mendokong dasar keperluan pembangunan industri negara. Sehubungan dengan ini juga, industri kecil bukan sahaja dapat dijadikan saluran dalam usaha mempercepatkan berpindahnya teknologi, malah dapat juga dijadikan sebagai satu strategi penting untuk memperkukuhkan struktur asas dalam pembangunan industri negara selaras dengan usaha kerajaan mencapai Wawasan 2020 ke arah mewujudkan negara industri (Moha Asri (2002).

Pada dasarnya, matlamat pembangunan ialah untuk memperbaiki keadaan hidup dan membolehkan manusia (komuniti) menggunakan potensinya untuk membawa perubahan taraf hidup. Potensi manusia sangat luas yang mencakupi semua kebolehan dan keupayaannya untuk memenuhi keperluan dan kehendak hidup seperti mendapatkan keperluan asas, kehidupan yang lebih selesa, memiliki kemudahan yang lebih lengkap, moden dan canggih,

menyediakan tempat tinggal yang lebih baik dengan tingkat keselamatan yang tinggi, berupaya mendapatkan makanan yang berzat dan kesihatan yang bermutu. Pembangunan berupaya meningkatkan kesejahteraan dan kesejahteraan kepada hidup manusia.

Setiap usaha atau program pembangunan harus melibatkan komuniti secara langsung. Sebagai aktor dalam pembangunan, peranan anggota komuniti bukan sahaja dapat dilihat dari sudut faedah yang diterima tetapi juga penglibatan mereka akan mempengaruhi hala tuju pembangunan itu sesuai dengan keperluan, keinginan dan permasalahan yang dihadapi dalam konteks persekitaran kehidupan berk komuniti. Penglibatan komuniti sebagai aktor pembangunan yang sedemikian dapat mendorong usaha menggembungkan tenaga, kepakaran dan matlamat antara pihak agensi pembangunan dan komuniti sebagai kelompok sasaran tersebut.

Penentu kejayaan sesuatu usaha membangunkan komuniti adalah bergantung kepada penyertaan anggota komuniti itu sendiri. Ini termasuklah penglibatan mereka dalam menggubal rancangan, membuat keputusan, mengambil bahagian dalam pelaksanaan, menikmati faedah daripada penglibatan mereka serta membuat penilaian terhadap program atau aktiviti yang mereka sertai. Penglibatan langsung komuniti dalam menentukan jenis dan bentuk aktiviti pembangunan juga boleh merangsang semangat kepunyaan (*ownership*) terhadap projek atau kegiatan pembangunan itu sendiri dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dalam menentukan kejayaan atau kegagalan kegiatan yang diceburi atau aktiviti yang dijalankan. Disamping itu, kelangsungan kegiatan dan usaha membangunkan komuniti dapat dipelihara. Justeru itu, proses pembangunan komuniti mapan dapat diwujudkan.

Disamping meningkatkan taraf hidup masyarakat, pembangunan komuniti juga merupakan satu tindakan yang diambil untuk meningkatkan capaian komuniti kepada kemudahan ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kemudahan sosial yang lain. Ianya juga bertujuan untuk mengurangkan masalah dalam komuniti yang berkaitan dengan aspek-aspek sosial dan ekonomi tersebut. Bagi tujuan-tujuan tersebut, pelbagai elemen di dalam proses penglibatan komuniti, penghidupan, kemudahan dan perancangan strategik telah dikembangkan di semua kawasan tetapi ianya sukar untuk dicapai.

2.0 Konsep Penyertaan Komuniti

Penyertaan atau penglibatan merupakan satu elemen penting dalam pembangunan komuniti. Pembangunan komuniti mula diperkenalkan di rantau Afrika dan Asia pada dekad 1950an dan 1960an kerana ia berkait rapat dengan keadaan komuniti ketika itu yang mundur, terpinggir serta dinafikan daripada sebarang aktiviti pembangunan. Di tahun 1970an, walaupun pembangunan komuniti dijadikan sebagai strategi asas penglibatan komuniti dalam pembangunan, namun kemiskinan dan kemunduran masih ketara. Apa yang pasti ialah mereka yang miskin dan mundur sebenarnya tidak terlibat dan dipinggirkan daripada menyertai pembangunan. Apabila menyedari akan hakikat ini, di sekitar tahun 1990an, pihak perancang dan pembuat polisi telah mula memberi keutamaan kepada aspek penyertaan komuniti serta mengubah cara berpandangan serta memikirkan strategi yang menggalakkan penyertaan komuniti dalam pembangunan dengan memperkenalkan pendekatan pembangunan turut serta (*participatory development approach*) dalam melaksanakan program pembangunan.

Diperingkat awal perkembangan pembangunan komuniti, penyertaan komuniti adalah dimanifestasikan daripada 'kerahan' yang dilakukan oleh agensi kerajaan yang bekerja didalam sesuatu komuniti. Bentuk dan arah tuju pembangunan telah ditetapkan oleh pihak atasan/ luaran. Proses pembangunan ditentukan oleh pihak atasan, manakala penyertaan

komuniti dianggap sebagai penyumbang dan penyokong kepada agenda pembangunan negara. Di tahap ini, penyertaan tidak berfungsi sebagai satu instrumen dalam menentukan kandungan atau arah pembangunan yang mahu dimiliki dan dinikmati oleh komuniti (Asnarulkhadi 2002:69).

Umumnya, terdapat dua dimensi yang melihat penyertaan dalam konteks pembangunan komuniti; satu sebagai alat dan keduanya sebagai matlamat. Sebagai alat, penyertaan boleh dianggap seolah-olah sebagai sebuah 'kenderaan' yang menuju ke arah pembangunan sedangkan 'pemandu' dan 'tempat' yang ingin dituju tidak dikuasai oleh komuniti selaku pihak yang menerima pembangunan. Kemungkinan komuniti mudah untuk diperalatkan atau dieksploitasi oleh pihak tertentu adalah tinggi. Jenis penyertaan komuniti dalam bentuk ini sering dikaitkan dengan istilah '*pseudo-participation*', dimana tahap penyertaan mereka adalah yang paling rendah. Sebaliknya, sebagai satu matlamat (*ends*) dalam pembangunan, penyertaan itu terangkum dalam proses pembangunan yang melaluinya mengizinkan komuniti terlibat secara langsung, mereka boleh menimba pengalaman untuk menentukan kandungan serta arah tuju kemajuan yang mereka hajati dalam proses tersebut.

Keterlibatan langsung anggota komuniti dalam proses pembangunan juga dapat meningkatkan lagi aspek kemahiran, keyakinan diri, daya saing, pengetahuan, kesedaran serta nilai-nilai diri mereka, yang mana mampu mendorong dan menyumbang ke arah memperbaiki lagi kesejahteraan hidup mereka. Dengan kata lain, penyertaan juga boleh dilihat sebagai pembentukan keupayaan komuniti (*community capacity building*).

Pencarian dan untuk mendapatkan maklumat merupakan faktor utama seseorang ahli komuniti melibatkan diri di dalam sesuatu aktiviti. Golongan ini dimotivasikan untuk mendapatkan sebarang maklumat melalui penyertaan di dalam aktiviti (Bloch, 1986). Krugman (1967) dan Mitchell (1979) di dalam Shang *et al.* (2006) mentafsirkan penyertaan sebagai satu persepsi yang berkaitan dengan diri seseorang individu terhadap sesuatu perkara yang ingin diketahuinya. Penyertaan melibatkan karektor sesuatu perkara dan nilai perkara tersebut kepada diri individu terbabit (Zaichkowsky (1986) di dalam Shang *et al.*, (2006)).

Penyertaan terdiri daripada dua kategori iaitu (1) secara sukarela dan (2) bersifat untuk menunjuk-nunjuk. Penyertaan berbentuk sukarela dimotivasikan oleh manfaat yang bakal diperolehi serta sikap individu yang suka kehidupan bermasyarakat. Manakala penyertaan bersifat kepura-puraan pula lebih kepada sifat ingin menunjuk-nunjuk kebolehan diri dan bermatlamatkan untuk mencapai kepentingan tertentu (Park dan Young (1983) di dalam Shang *et al.*, (2006)).

Penyertaan komuniti melibatkan sesuatu tahap aktiviti dan sumbangan-sumbangan individu kepada komuniti mereka. Ianya memainkan peranan yang penting dalam sesebuah komuniti. Penyertaan secara sukarela di dalam aktiviti yang diadakan menunjukkan tahap kebanggaan serta komitmen terhadap komuniti terbabit. Setiap anggota komuniti mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyumbang kepada komuniti terutamanya melalui penglibatan di dalam aktiviti yang diadakan. Ahli komuniti yang sering terlibat secara langsung dengan komunitinya akan berasa lebih dihargai dan akan lebih komited kepada komuniti terbabit (Scott *et al.*, 2008).

2.1 Maksud Budaya Penyertaan dan Indikatornya

Bukan mudah untuk menggerakkan semua anggota komuniti untuk terlibat dalam proses pembangunan. Ia bergantung kepada banyak faktor antaranya ialah budaya penyertaan. Budaya penyertaan hanya dapat dibentuk apabila penglibatan sukarela dilazimkan dalam sesebuah komuniti. Anggota komuniti mudah dan mahu melibatkan diri dalam usaha memajukan diri mereka. Malah, tiada halangan struktur yang menyekat kemahuan komuniti

untuk turut terlibat, sebaliknya wujud pula suasana politik dan sosial dalam komuniti itu sendiri yang menggalakkan keterlibatan anggota komuniti. Keadaan yang seumpama ini boleh mengacuankan satu budaya penyertaan dikalangan ahli komuniti itu sendiri (Asnarulkhadi, 2002).

3.0 Konsep Keusahawanan

Menurut Johannisson dan Senneseth (1993), “usahawan biasanya dikaitkan dengan penjanaan kemewahan ekonomi untuk diri mereka dan masyarakat” dimana menitikberatkan aspek keusahawanan dalam konteks yang lebih luas. Faedah sosial daripada keusahawanan ini turut diakui oleh Venkataram (1997) yang menambah “keusahawanan sebagai sebahagian daripada perspektif kebajikan sosial yang tidak hanya mementingkan diri sendiri malahan memperkembangkan ekonomi sosial dengan menjanakan pembaharuan dari segi pasaran, industri, teknologi, institusi, peluang pekerjaan serta meningkatkan produktiviti” (Haugh dan Pardy, 1999).

Menurut Kuratko dan Hodgetts (1998) di dalam Morisson (2006), “setiap orang mempunyai potensi dan kebebasan pilihan untuk mengejar kerjaya sebagai usahawan”. Stevenson(1989) di dalam McKay (2001) pula mentakrifkan “usahawan boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mengejar peluang pengurusan tanpa mengabaikan sumber sediaada”.

Keusahawanan dianggap sebagai elemen penting dalam konteks ekonomi global (Kirschhoff dan Phillips, 1989). Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan lebih 90 peratus pertumbuhan pekerjaan berasal daripada sektor keusahawanan dan ianya turut berlaku di negara-negara lain dimana keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi (Hoy, 1992). Petumbuhan ekonomi dalam konteks ini dirujuk kepada peningkatan yang ketara dari segi jualan, keuntungan, aset, pekerja dan lokasi (Singh & Belwal, 2008).

Schumpeter (1934) dan Peterson (1981) di dalam Haugh dan Pardy (1999) menjelaskan keusahawanan sebagai suatu aktiviti yang tidak dapat dirancangkan, terhasil daripada gabungan inovatif diantara elemen-elemen aktiviti sediaada. Namun begitu, definisi Peterson lebih memberi penekanan keusahawanan sebagai satu proses berlainan dengan seseorang usahawan. Dalam mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses, ia tidak semestinya terhad kepada ciri-ciri seseorang individu yang kemudiannya boleh diterapkan ke dalam sesuatu kumpulan. Keduanya, komuniti dianggap sebagai satu kumpulan pentadbiran kecil atau kawasan geografi yang berkemungkinan mempunyai ciri-ciri yang sama (Cunningham dan Bollman, 1997). Definisi ini menggunakan kawasan sebagai satu kriteria. Walau bagaimanapun, Barr (1995) dengan jelas mengkritik kenyataan tersebut dengan mengatakan akan wujud pelbagai kepentingan yang berbeza sekiranya tidak menetapkan sempadan kawasan geografi yang berkenaan. Pardy (1994) menegaskan komuniti adalah sebagai satu semangat kerjasama dan sukar ditentukan melalui sempadan geografi, persekitaran atau aktiviti bagi mewujudkan kesamaan dari segi kepentingan. Secara realitinya, komuniti dari pelbagai kawasan geografi itu sendiri yang akan menentukan kepentingan-kepentingan yang boleh dikongsi bersama dengan kumpulan geografi yang lain (Haugh dan Pardy, 1999).

Keusahawanan dilihat sebagai pemangkin yang dapat mengatasi segala masalah yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi, ketidaksamaan sosial dan peluang pekerjaan. Semakin banyak negara di dunia yang begitu aktif mempromosikan bidang keusahawanan ini. Di kebanyakan negara membangun, usahawan dikalangan wanita semakin mendahului usaha membantu kerajaan untuk mengukuhkan dan membina kekuatan industri kecil dan sederhana (IKS) yang akan menyumbang keusahawanan arah pengurangan kadar kemiskinan.

Pembangunan dan promosi industri kecil dan sederhana (IKS) dapat membantu mengembangkan inisiatif keusahawanan dan dalam masa yang sama mengukuhkan proses mengurangkan jurang ekonomi dan sosial. Kepentingan industri kecil dan sederhana (IKS) ini dapat dilihat melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membantu menjana modal tambahan untuk operasi berskala lebih besar (Hailey, 1987). Muma (2002) bagaimana pun menegaskan bahawa IKS ini hanya banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan dalaman sesebuah negara. Pada masa kini, faktor-faktor seperti penswastaan, kepakaran, penstrukturan semula sektor korporat dan pengecilan saiz perniagaan dilihat lebih relevan sebagai pemangkin pertumbuhan sesebuah perusahaan yang dijalankan (Solymossy dan Penna, 2000). Tambahan pula, pembangunan IKS ini dilihat sebagai pemacu kepada pencapaian ekonomi global dan objektif sosio-ekonomi termasuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara membangun (Singh & Belwal, 2008).

3.1 Penyertaan Komuniti Dan Keusahawanan

Johannisson dan Nilsson (1989) menyatakan terdapatnya keperluan kepada 'keusahawanan komuniti' untuk menggunakan sumberjaya yang ada untuk pembangunan setempat. Mereka melihat usahawan komuniti sebagai fasilitator untuk aktiviti keusahawanan berbanding seorang ahli perniagaan yang mewujudkan kerjasama dengan ahli komuniti. Usahawan komuniti seharusnya mengadakan usahasama samada sesama individu atau komuniti terlibat. Johannisson (1990) menekankan rangkaian sebagai elemen utama dan menyangkal usahawan komuniti boleh memainkan peranan sebagai agen penting dalam persekitaran sosioekonomi (Haugh dan Pardy, 1999).

Usahawan komuniti bukan sahaja memainkan peranan di dalam persekitaran keusahawanan malahan turut merangsang ahli komuniti yang lain. Haugh dan Pardy (1999) menghuraikan kumpulan komuniti itu sendiri yang memainkan peranan di dalam pelaksanaan ekonomi dan penjana sosial bagi komuniti terbabit. Johnstone dan Lionais (2004) pula menjelaskan usahawan komuniti sebagai individu yang memulakan usahasama beserta komitmen untuk memenuhi objektif komuniti.

Berdasarkan kepada intepretasi yang dikemukakan, keusahawanan komuniti dirujuk sebagai penghasilan usahasama yang baru dimana aktiviti-aktiviti yang dijanakan mampu meningkatkan kualiti persekitaran sosial dan ekonomi penduduk. Keusahawanan komuniti juga dilihat sebagai satu proses membangunkan usahasama dalam konteks penjana aktiviti baru, perkhidmatan atau institusi untuk manfaat dan kepeluan anggota komuniti.

Usahawan komuniti seharusnya mencorakkan aktiviti keusahawanan arah penerokaan dan pengeksploitasian peluang-peluang sosial melalui penggunaan sumber-sumber sediaada sebagai elemen utama proses ini. Aktiviti keusahawanan ini boleh dikendalikan samada oleh organisasi sediaada atau mewujudkan organisasi baru untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan secara sukarela, peluang perniagaan dan penglibatan agensi kerajaan (Austin *et al.*, (2006) di dalam Borch *et al.*, (2008)).

3.2 Perusahaan dan Keusahawanan Komuniti

Perusahaan komuniti boleh dibezakan dengan keusahawanan komuniti dari segi produk yang dihasilkan daripada proses keusahawanan. Perusahaan komuniti merujuk kepada aktiviti ekonomi bersifat sara diri dimana komuniti tempatan mencipta peluang pekerjaan dengan menjalankan perniagaan sesama mereka (Hayton, 1995). Ciri yang membezakan perusahaan komuniti ini ialah kepunyaan dan kawalan perniagaan dilakukan oleh ahli-ahli komuniti itu

sendiri dimana segala faedah dan keuntungan yang diperolehi akan digunakan kembali untuk kepentingan mereka bersama (Haugh dan Pardy, 1999).

3.3 Kepentingan Keusahawanan

Keusahawanan adalah penting di dalam dunia hari ini dan menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi. Peranan keusahawanan di dalam pembangunan ekonomi bukan sekadar meningkatkan kadar perkapita pengeluaran dan pendapatan, malahan ia juga melibatkan perubahan kepada struktur perniagaan dan masyarakat. Perubahan ini diiringi oleh pertumbuhan dan peningkatan pengeluaran. Teori pertumbuhan ekonomi menggambarkan inovasi (pembaharuan) adalah kunci utama kepada perkembangan ekonomi di dalam membina produk atau perkhidmatan baru di dalam pasaran. Aktiviti pembaharuan (inovasi) juga menjadi pendorong para pemodal (pelabur) untuk melabur di dalam peluang baru yang dicipta. Keusahawanan melalui proses pembaharuan (inovasi) mencipta pelaburan baru di dalam dunia perniagaan, di mana ia akan meningkatkan perkembangan ekonomi, peluang pekerjaan baru tercipta dan mengurangkan kadar pengangguran.

Keusahawanan melalui proses kreativiti dan inovasi mencipta produk baru dan memberikan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak pengguna. Di dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang baik, mereka akan mencari kaedah yang lebih baik untuk memaksimumkan sumber dan mengurangkan pembaziran. Dengan ini, masyarakat akan mendapat produk (barangan) dan perkhidmatan yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Keusahawanan turut membantu memperbaiki kehidupan berjuta-juta manusia melalui produk dan perkhidmatan baru yang diperkenalkan di pasaran. Keusahawanan adalah individu yang bukan sahaja mencipta kekayaan malahan turut sama mendorong kepada pembahagian kekayaan.

4.0 Gerakan Desa (Daya) Wawasan (GDW) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar Di Malaysia

Bagi pembangunan luar bandar, fasa pembangunan dikenali sebagai Transformasi Pembangunan Luar Bandar sebagai fasa campurtangan negara yang dikenali juga sebagai fasa pembangunan era Dasar Ekonomi Baru (DEB). Proses pembangunan masyarakat luar bandar telah bermula sejak negara memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957. Pada masa itu, taraf ekonomi dan pencapaian masyarakat luar bandar amat rendah berbanding masyarakat di kawasan bandar. Lantaran itu, pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai bentuk program pembangunan khusus untuk penduduk luar bandar. Strategi pembangunan masyarakat desa atau luar bandar ini dinamakan Transformasi Pembangunan Luar Bandar Pertama. Ia telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua. Matlamat utama transformasi pertama itu lebih kepada pembangunan prasarana fizikal dan membekalkan secara meluas kemudahan asas kepada rakyat.

Pada masa sekarang, Malaysia telah melangkah kepada Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar. Transformasi kedua ini pula sebaliknya bukan hanya memperkukuhkan segala faktor fizikal, tetapi mengembleng faktor manusia terutamanya pembangunan manusia atau insan dengan paradigma baru yang positif kepada penduduk luar bandar. Salah satu program pembangunan atau transformasi kedua yang telah dilaksanakan ialah program Gerakan Desa Wawasan (GDW).

4.1 Latar Belakang Gerakan Desa Wawasan (GDW)

Gerakan Desa Wawasan (GDW) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri di Kampung FELCRA Seberang Perak, Daerah Hilir Perak pada 4 Julai 1996. Gerakan Desa Wawasan ini ini ialah proses untuk membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa ke arah transformasi luar bandar. Gerakan ini menekankan kepada penglibatan penduduk desa itu sendiri dalam proses perancangan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Gerakan Desa Wawasan adalah usaha yang tersusun yang dibuat secara berterusan untuk menukar sikap penduduk desa dan budaya pertanian tradisional kepada amalan nilai hidup pertanian komersil serta perindustrian (Gerakan Desa Wawasan, 1996).

Gerakan Desa Wawasan (GDW) antara lain adalah untuk menimbulkan kesedaran bagi melakukan perubahan paradigma, sikap, amalan dan aspirasi di kalangan masyarakat desa yang juga selari dengan matlamat Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar dan Wawasan 2020. Masyarakat desa yang akan muncul ialah yang berdaya tahan, berinisiatif, berdikari, berilmu dan berdisiplin serta mampu menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Menyedari betapa pentingnya GDW ini dalam membina rakyat Malaysia yang proaktif dan berdaya tahan dalam dunia yang serba mencabar pada hari ini menyebabkan kerajaan telah bersetuju menukar nama Gerakan Desa Wawasan kepada Gerakan Daya Wawasan bagi mempertegas kepada usaha anjakan paradigma di kalangan masyarakat luar bandar pada 26 Julai 2003. Konsep daya merujuk kepada “sesuatu kekuatan dan keinginan atau keghairahan yang terdapat pada setiap individu, keluarga dan komuniti serta persekitaran kehidupannya yang disedari untuk menghasilkan sesuatu kecemerlangan”. Terdapat tiga aspek daya yang diberi penekanan iaitu Daya Manusia, Daya Ekonomi dan Daya Pasaran.

4.2 *Konsep Gerakan Desa Wawasan*

Gerakan Daya Wawasan ialah proses peningkatan pengupayaan yang boleh membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa ke arah Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar. Gerakan ini menekankan kepada penglibatan penduduk desa itu sendiri dalam proses perancangan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Perencanaan program dibuat secara tersusun dan berterusan.

4.3 *Asas Gerakan Desa Wawasan*

Penglibatan aktif masyarakat dalam proses pembangunan desa. Gerakan ini berteraskan kepada sistem kerja daripada peringkat bawah ke atas (bottom-up strategy) di mana masyarakat setempat bergerak secara proaktif untuk mengubah dan menentukan arah tuju pembangunan kampung mereka. Program dan aktiviti Gerakan Daya Wawasan dirancang berpandukan 7 inisiatif bagi memenuhi 7 prasyarat yang dikemukakan dalam Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar.

4.4 *Pembangunan Luar Bandar Dan Transformasi Pembangunan Manusia*

Transformasi Kedua Luar Bandar yang telah dilancarkan pada tahun 1996 yang membawa kepada Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar. Transformasi Kedua ini merupakan suatu anjakan paradigma pemikiran dan pendekatan sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pertama Pembangunan Luar Bandar (Laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Zon Sabah, 2001).

Transformasi Pertama memaparkan program raksasa kerajaan yang baru merdeka ketika itu untuk segera membangunkan prasarana fizikal dan membekalkan dengan meluas

kemudahan asas kepada rakyat sebagai strategi paling berkesan untuk membina negara. Manakala Transformasi Kedua mengukuhkan lagi strategi awal tersebut dengan penumpuan yang lebih menjurus ke arah membangunkan sumber daya insaniah terutamanya pembangunan insan bagi masyarakat desa. Mengikut Craig (1996), pembangunan manusia atau insan ini menjadi tumpuan utama bagi memastikan kejayaan pembangunan masyarakat luar bandar. Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan pada tahun 1996 merupakan satu program konkrit yang dikemukakan dibawah kerangka pelaksanaan transformasi ini. Pembangunan manusia atau insan ini ialah perubahan dalam struktur, pemikiran dan perlakuan seseorang yang disebabkan oleh pengaruh biologikal (dalaman) dan persekitaran (luaran). Pembangunan manusia ini melibatkan tiga aspek iaitu fizikal, kognitif dan psikososial. Aspek fizikal melibatkan pertumbuhan dan perubahan dalam tubuh manusia (fisiologi), aspek kognitif melibatkan proses mental yang berkaitan dengan kebolehan dalam persepsi, ingatan, berhujah, kreativiti dan kemahiran bahasa. Manakala aspek psikososial melibatkan pembangunan peribadi, kemahiran berinteraksi sesama manusia, kebolehan mengenal diri, emosi, kemahiran sosial dan perlakuan.

Pembangunan manusia menjadi matlamat utama dalam pembangunan luar bandar khususnya dalam Transformasi Kedua Luar Bandar yang memberi fokus kepada peningkatan kualiti hidup luar bandar melalui program dan usaha untuk menjadikan kawasan luar bandar suatu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan serta seimbang dengan pertumbuhan pembangunan di kawasan bandar. Lantaran itu, matlamat Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar adalah untuk membentuk insan (luar bandar) yang berkualiti dan menguasai nilai murni agar mereka dapat menggunakan masa, informasi dan sumber yang ada pada tahap yang paling optimum dan akhirnya menghasilkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan keluarga yang cemerlang dan mendapat keredhaan Allah S.W.T (Ibrahim, 2003).

4.5 Mekanisme Pembangunan Gerakan Desa Wawasan

4.5.1 Pembangunan Insan - Perubahan Paradigma

Matlamat utama GDW ialah membawa perubahan paradigma di kalangan masyarakat desa supaya tidak lagi bergantung semata-mata kepada kerajaan apabila hendak membangunkan kampung mereka sendiri. Sebaliknya mereka sendiri yang akan mengetuai usaha perubahan pembangunan di kawasan setempat dengan bantuan dan bimbingan agensi kerajaan. Perubahan paradigma ini merupakan perkara praktikal bagi memajukan penduduk kampung kerana sifat terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan (subsidi) menjadikan mereka ini lemah, tidak bermotivasi dan gagal membangunkan kampung mereka sendiri. Lantaran itu, penduduk kampung melalui GDW ini akan dibentuk menjadi manusia yang mampu berusaha membangunkan kampung sendiri melalui kesepakatan, struktur organisasi yang cekap dan berkebolehan memikirkan idea-idea baru yang praktikal dan menguntungkan. Kepimpinan desa menjadi penggerak utama dan agen perubahan bagi masyarakat setempat.

Suatu yang amat menarik tentang GDW ini ialah galakan untuk masyarakat desa membangunkan kampung melalui cetusan ilham dari penduduk kampung itu sendiri. Penduduk kampung akan memikirkan idea pembangunan secara bersepadu iaitu dari peringkat awal yang berbentuk pemikiran idea hingga kepada merancang, melaksana dan menyelesaikan. Bermula dari idea pembangunan itu sendiri seperti bentuk-bentuk perancangan pelaksanaan program yang telah disepakati dan kemudiannya melaksanakan program itu hingga berjaya. Secara mudahnya, melalui pendekatan ini masyarakat desa akan menjadi lebih kreatif (memikirkan program membangunkan kampung), proaktif (memikirkan

segala masalah dan pelaksanaan program tersebut) dan inovatif (mengurus dan memikirkan rancangan masa depan terhadap program atau projek yang telah dilaksanakan. Jelas sekali, apabila pembangunan manusia itu berjaya dilaksanakan dengan sendirinya, pembangunan ekonomi dan sosial pun akan turut sama dibangunkan. Melalui program pembangunan manusia seperti ini, masyarakat desa akan berupaya membangunkan diri mereka sendiri dalam ertikata pembangunan yang menyeluruh yang melibatkan pembangunan kognitif dan fizikal (pembangunan ekonomi).

4.5.2 Pembangunan Industri Desa

Antara ciri-ciri desa wawasan ialah kampung-kampung harus menjadi lebih kompetitif dengan kedua-dua sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar. Daya produktiviti penduduk luar bandar harus lebih meningkat dengan penggunaan sumber yang lebih optima serta alam sekitar yang bersih dan menarik. Pertanian dijalankan secara moden serta diuruskan secara komersil dan tanam-tanaman komoditi diteruskan secara estet. Penanam-penanam kecil mengendalikan sawah dan kebun-kebun secara kolektif/estet yang diuruskan oleh koperasi, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau swasta.

4.6 Cabaran Dan Harapan

Cabaran yang paling besar sekali ialah merubah paradigma subsidi yang telah mengakar dalam pemikiran masyarakat desa. Pemikiran mereka selama ini ialah jika sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan di desa, tentu pembangunan itu akan dibawa oleh kerajaan atau dilaksanakan oleh pihak swasta bermula dari peringkat perancangannya hinggalah kepada pelaksanaannya (pembangunan bersifat *top-down*). Sebaliknya pembangunan GDW lebih bersifat *bottom-up* iaitu pembangunan itu datangnya daripada cetusan idea masyarakat kampung itu sendiri dan mereka yang akan melaksanakannya hingga berjaya. Tentunya idea ini merupakan suatu yang amat radikal bagi sesetengah masyarakat Melayu di luar bandar.

5.0 Industri Desa Di Malaysia

5.1 Strategi Perindustrian Desa

Strategi pembangunan desa bertujuan membuka peluang kepada masyarakat bumiputra supaya melibatkan diri dalam kegiatan perindustrian yang masih ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum yang lain di Malaysia. Salah satu langkah untuk memaju dan membangunkan kawasan luar bandar ialah mendirikan industri yang berasaskan sumber bahan mentah tempatan. Dengan itu, diharapkan pembangunan industri desa akan dapat mengatasi masalah di kawasan luar bandar seperti kemiskinan, kekurangan tenaga pekerja muda, penghijrahan desa bandar dan sebagainya (Chamhuri et al. (1995)).

5.2 Industri Desa Di Malaysia

Seiringan dengan perkembangan sektor industri pembuatan, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggalakkan kegiatan perindustrian di kawasan desa supaya keadaan sosioekonomi masyarakat luar bandar dapat diperbaiki. Perkembangan industri desa diharapkan akan

mengatasi masalah yang timbul di luar bandar akibat perkembangan ekonomi yang pesat di kawasan bandar.

Kesedaran kerajaan tentang wujudnya kepincangan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar, telah mendorongnya untuk memajukan lagi kawasan kurang membangun. Oleh itu, pelbagai program telah dilaksanakan di kawasan luar bandar, termasuklah membawa masuk industri kecil yang berasaskan sumber bahan mentah tempatan. Kewujudan industri desa diharapkan akan mengelakkan penghijrahan penduduk desa ke bandar. Disamping itu, kegunaan sumber tempatan dapat dipelbagaikan dan seterusnya meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Proses mengindustrikan kawasan luar bandar bukanlah suatu perkara yang mudah. Walau bagaimanapun, kesedaran dan kemahiran yang ada pada penduduk desa telah membolehkan mereka menjalankan perusahaan industri ini secara kecil-kecilan.

Bagi menjamin kejayaan proses tersebut, kerajaan telah memberi bantuan teknikal, kewangan dan khidmat nasihat. Bantuan kewangan penting kerana kebanyakan pengusaha desa tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan perusahaan. Tanpa bantuan ini, mereka mungkin tidak mampu untuk memaju dan mengembangkan lagi perusahaan mereka. Oleh itu, dalam proses memaju dan mengembangkan industri desa, gandingan antara kerajaan dengan pengusaha amat penting (Chamhuri et al. (1995)).

5.3 Prospek Pertumbuhan Industri Desa

Industri desa penting bagi memajukan ekonomi luar bandar dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk kawasan tersebut. Memajukan industri desa merupakan asas kepada pertapakan industri yang lebih besar pada masa hadapan.

Industri desa dijangka mempunyai masa hadapan yang cerah dan boleh mendatangkan keuntungan jika diusahakan. Dengan ini juga, industri desa boleh membantu pembangunan masyarakat desa dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada pengusaha.

Prospek industri desa juga cerah dengan perubahan dasar kerajaan daripada penumpuan semata-mata terhadap industri besar kepada menggalakkan perkembangan industri kecil dan sederhana. Pada masa kini, terdapat pelbagai galakan dan bantuan serta insentif kepada penduduk untuk menceburi bidang industri kecil dan sederhana.

Oleh kerana sifat industri kecil dan sederhana yang dinamis dan mempunyai ciri-ciri untuk maju, dijangkakan sektor ini akan menjadi lebih penting dalam pembangunan ekonomi negara. Perancangan yang teratur akan menjamin perkembangan industri ini agar selari dengan perkembangan industri yang lebih besar. Dalam konteks ini, industri kecil akan menjadi industri sokongan kepada industri yang lebih besar. Diharapkan suatu masa nanti, industri kecil dan sederhana akan mencapai tahap yang lebih maju atau setanding dengan industri lain (Chamhuri et al (1995)). Deakins (2008) turut menyokong pendapat ini dengan mengatakan peluang dan potensi keusahawanan di kawasan luar bandar dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti petani, peladang, pengilang, usahawan dan keseluruhan masyarakat luar bandar secara amnya.

6.0 Mengapa Penyertaan Penting ?

Komuniti adalah konteks, lokasi, medium dan penggerak bagi pembangunan. Tanpa penyertaan komuniti, pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf dan kesejahteraan hidup mungkin tidak berlaku. Kepentingan penyertaan boleh dilihat melalui definisi penyertaan itu sendiri. Menurut Arnstein (1969) di dalam (Asnarulkhadi 2002), penyertaan merupakan satu 'kuasa komuniti' (*community power*), iaitu apabila anggota

komuniti dapat menguasai keseluruhan hal ehwal kehidupan mereka menerusi penglibatan. Melalui penyertaan, komuniti tidak lagi dikuasai atau dipengaruhi oleh orang luar. Disamping itu, ia juga mempunyai atau meninggalkan implikasi yang lebih meluas. Penyertaan mengizinkan pertukaran maklumat sesama anggota komuniti dan juga antara komuniti dengan pihak yang membantu dalam proses membawa perubahan. Bila pertukaran maklumat berlaku, ini bererti berlakunya pertukaran pengetahuan antara kedua belah pihak tadi. Pertukaran pengetahuan ini dapat melicinkan lagi proses melaksanakan perubahan apabila idea digemblingkan. Dalam erti kata lain, ianya memudahkan usaha ke arah mencapai perubahan atau matlamat pembangunan. Oleh itu, penyertaan mengandungi elemen pembelajaran. Proses pembelajaran itu terjadi ketika pertukaran maklumat berlaku semasa interaksi antara individu, kumpulan, agen perubahan atau pihak agensi luar, dalam keadaan harmonis, saling hormat menghormati dan kesedaran diri. Unsur-unsur begini menyediakan kerangka demokrasi bagi menyuburkan penyertaan berlaku.

Penyertaan adalah satu wadah bagi komuniti untuk memulakan sesuatu daripada apa yang mereka tahu dan ada, dan perlahan-lahan meningkatkan pengetahuan dan penguasaan terhadap kehidupan. Ini merupakan asas pentingnya penyertaan. Tanpa penyertaan tidak ada satu tindakan yang boleh dibuat, hatta perubahan sukar untuk berlaku. Jika pun ada berlaku, komuniti tidak dapat dianggap sebagai pelaksana perubahan (atau pembangunan) tetapi hanya sebagai penumpang sahaja. Kesukaran komuniti menguasai hal ehwal kehidupan mereka itu menyukarkan pembangunan mapan untuk berlaku. Perubahan atau pembangunan itu seolah-oleh berlaku sekali sahaja dan tidak ada penerusannya. Fenomena inilah juga yang menyebabkan gejala-gejala projek terbelengkalai atau projek semusim sahaja.

Sehubungan itu, penyertaan juga adalah mekanisme bagi komuniti menyuarakan pendapat, masalah serta mengutarakan cadangan dalam merangka membuat keputusan supaya dapat memperbaiki lagi pelan tindakan, keputusan dan khidmat penyampaian. Ini boleh berlaku pada peringkat sesama ahli komuniti dan juga antara komuniti dengan agen-agen perubahan. Komuniti melalui penyertaan juga mampu membentuk satu pakatan kolektif bagi merungkai masalah yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaian atau bagi mencapai keperluan yang mendesak. Tanpa penyertaan bersama, masalah yang dihadapi atau keperluan yang diinginkan hanya menjadi isu peribadi yang sukar untuk mencari penyelesaiannya.

Budaya penyertaan juga mendorong pendayaupayaan komuniti berlaku. Menerusi penyertaan, komuniti memperolehi pengalaman bagaimana mempengaruhi, melaksanakan serta menguasai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka (atau memperolehi keperluan atau kehendak) melalui interaksi dan hubungan dengan agen perubahan atau pun melalui usaha sendiri secara individu atau secara kolektif (berkumpulan). Justeru, penyertaan membolehkan komuniti terlibat secara langsung dalam merekabentuk proses membuat keputusan untuk diri mereka. Ekoran itu, mereka beroleh keyakinan diri dan kepercayaan dalam organisasi. Semangat seumpama ini juga menyemarakkan lagi usaha mereka untuk menguasai tindakan selanjutnya (Asnarulkhadi, 2002).

Dengan menyertai sesuatu kegiatan, aktiviti atau program, perasaan ketidaktahuan komuniti dapat dikurangkan. Sebaliknya mereka memperolehi maklumat lanjut mengenai kegiatan yang diceburi itu dan ini memberikan mereka pengetahuan mengenai tujuan, objektif dan juga sumbangan yang boleh diberikan bagi menjayakannya. Maklumat-maklumat yang mereka perolehi seumpama ini boleh menggalakkan mereka berhubung dengan pihak pentadbir dan pengurusan yang membantu membawa perubahan, tanpa rasa takut, malu atau rendah diri.

Penyertaan dapat mempromosikan semangat berkomuniti. Semangat ini penting dalam konteks pembangunan komuniti bagi menggerakkan ahli secara kolektif berkongsi masalah

dan membuat keputusan serta pakatan dalam menyelesaikan masalah mereka. Sebagai manusia, anggota komuniti berhubung antara mereka. Ini adalah satu fitrah manusia. Perhubungan sosial inilah yang membentuk modal sosial dalam komuniti. Jadi, semangat komuniti tadi sebagai satu modal yang digemblingkan dengan bijak boleh menjanakan satu output yang memberi manfaat kepada komuniti mengikut rekaan mereka. Justeru, penyertaan adalah landasan atau wadah yang memungkinkan penjana modal sosial itu.

7.0 Bidang Keusahawanan Sebagai Pemangkin Pembangunan Luar Bandar

Bidang keusahawanan telah diiktiraf sebagai satu keperluan yang penting dalam ekonomi (Bruyat dan Julien, 2000) berdasarkan kepada kesannya pada peringkat makro dan mikro (Henry *et al.*, 2003). Ianya terus menjadi asas penting dengan mengemukakan idea-idea baru, menjanakan peluang perniagaan dan pekerjaan baru serta memberikan kesan yang ketara kepada aspek ekonomi secara keseluruhannya (Hisrich dan O'Conneide, (1985) di dalam Heinonen *et al.*, (2006)).

Keusahawanan adalah berkenaan mengenalpasti peluang yang ada, memecahkan pola konvensional secara kreatif, mengambil dan mengurus risiko serta mengendali dan mengkoordinasikan sumber-sumber (Landstrom, 1998; Gibb, 2002). Schumpeter (1934) pula mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang melihat peluang dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memanfaatkan peluang itu (Bygrave dan Hofer, 1991). Keusahawanan adalah berkenaan dengan ciri-ciri keusahawanan yang ada pada seseorang individu untuk bertindak balas dengan persekitarannya melalui penerokaan, penilaian dan mengeksplotasi peluang-peluang yang ada (Shook *et al.*, (2003) di dalam Heinonen *et al.*, (2006)).

Hoy (1983) mendefinisikan usahawan luar bandar sebagai seseorang yang 'berdikari, berani mengambil risiko, berorientasikan pencapaian, berkeyakinan, optimistik, kuat bekerja dan inovatif'. Beliau juga menekankan keusahawanan dalam konteks luar bandar lebih memfokuskan kepada pengwujudan peluang pekerjaan baru berbanding penjana usahasama baru. Wortman (1990) turut mengemukakan pandangan berkenaan dengan keusahawanan luar bandar dengan mengatakannya sebagai satu penciptaan organisasi baru yang memperkenalkan produk yang baru, menyediakan atau mewujudkan pasaran baru atau memperkenalkan teknologi baru di persekitaran luar bandar. Definisi ini memberi penekanan kepada elemen inovasi dan penciptaan yang dijangka dapat memberikan kesan yang ketara kepada seluruh anggota komuniti yang terlibat (Petridou *et al.*, 2008).

Kroon (1997) menyatakan pendidikan keusahawanan haruslah disediakan berasaskan kepada persediaan seseorang individu untuk bertindak sebagai agensi perubahan pada masa hadapan dan pada masa yang sama memenuhi ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan. Latihan bidang keusahawanan dan industri kecil boleh dilakukan dari perspektif yang berbeza. Tumpuan utama yang harus diberikan termasuklah aspek latihan kemahiran perniagaan, latihan kemahiran teknikal dan latihan kemahiran keusahawanan.

Latihan kemahiran perniagaan merangkumi semua latihan pengurusan konvensional yang berkaitan dengan perniagaan. Latihan kemahiran teknikal pula untuk menyerlahkan keupayaan menggunakan pengetahuan atau kemahiran dalam disiplin tertentu untuk mencapai matlamat utama. Manakala latihan keusahawanan merangkumi aspek penubuhan dan pengembangan perniagaan dan termasuk kemahiran keusahawanan seperti kreativiti dan inovasi, kecenderungan menanggapi risiko dan keinginan untuk pencapaian. Latihan perniagaan merupakan latihan formal yang merangkumi semua aspek dalam pengurusan.

Wickham (1998) mentakrifkan latihan kemahiran keusahawanan sebagai satu kemahiran yang diperlukan untuk memantapkan prestasi keusahawanan. Ianya berasaskan

pengetahuan dan diterjemahkan melalui tindakan yang dilakukan. Wickham juga turut mengenalpasti kemahiran pengurusan (strategi, perancangan, pemasaran, kewangan, pengurusan projek dan pengurusan masa) serta kemahiran untuk berurusan dengan orang ramai (kepimpinan, motivasi, delegasi, komunikasi dan rundingan) sebagai kemahiran yang amat diperlukan. Beliau turut menambah pengetahuan berkaitan perniagaan dan motivasi individu sebagai faktor tambahan untuk meningkatkan prestasi keusahawanan. Usahawanan yang berjaya bukan hanya sekadar menggunakan kemahiran ini malahan perlu belajar untuk menggunakannya serta manfaat yang boleh diperolehi melaluinya (Nieman, 2001).

Berdasarkan kepada Smilor (1997) dan Kilby (1971), kemahiran keusahawanan merujuk kepada pengetahuan dan tindakan yang diperlukan untuk mengukuh dan menjayakan sesuatu perniagaan. Ianya termasuklah aspek-aspek seperti kewangan, perakaunan, pemasaran dan pengeluaran (Psyysiainen *et al.*, 2006).

8.0 Kepentingan Perubahan Minda Bagi Menggalakkan Pembangunan Luar Bandar

Beberapa perkara wajar dikaji untuk kita mengenali kenapa penduduk luar bandar kadangkala sukar untuk menerima permodenan dan pembangunan. Pertama ialah apakah jenis perubahan yang mereka fikirkan selama ini ? Adakah sekadar perubahan dari segi material semata-mata atau pun lebih luas daripada itu ? Keduanya ialah apakah jenis proses yang sepatutnya berlaku untuk menggerakkan perubahan ke arah yang dikehendaki dan ketiganya ialah hasil akhir daripada proses berkenaan. Kita yakin masyarakat luar bandar mahu menerima pembangunan dan permodenan. Tetapi, bagaimana hendak berubah ? Dimana hendak bermula ?

Ketika di awal kemerdekaan, negara telah melaksanakan pelbagai dasar untuk membangunkan masyarakat dan negara. Diantara dasar tersebut adalah Dasar Ekonomi Baru yang diberi tumpuan. Hasilnya, wujudlah pelbagai instrumen untuk membangunkan masyarakat seperti FELDA, FELCRA, Perbadanan Kemajuan Negeri serta Majlis Amanah Rakyat (MARA). Disamping itu, peranan tokoh-tokoh politik dan ekonomi yang turut bersama-sama sebagai agen perubahan telah menggerakkan masyarakat membuat perubahan minda dan sikap. Harus diingat bahawa pembangunan merupakan masalah yang berkaitan dengan penghidupan manusia. Ia melibatkan ekonomi, sosial, budaya, politik, moral dan agama. Bagi masyarakat luar bandar, faktor agama turut memainkan peranan penting bagi memaju kesedaran ke arah pembangunan.

Konsep penglibatan telah digunakan secara meluas dalam organisasi atau kumpulan sosial. Terdapat empat kategori dalam penglibatan komuniti. Pertama ialah penglibatan dalam membuat keputusan terhadap apa yang patut dibuat dan bagaimana ianya dilaksanakan. Kedua ialah penglibatan dalam melaksanakan program dan penentuan dengan memberikan pelbagai sumber dan kerjasama di dalam organisasi dan aktivitinya. Ketiga, perkongsian dalam menikmati faedah dan keempat pula ialah penglibatan seseorang dalam usaha-usaha untuk menilai program. Keempat-empat perkara ini boleh digunakan dalam penelitian terhadap konsep dan pengukuran dalam pembangunan luar bandar.

Dalam proses penglibatan ini, terdapat tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penglibatan pada tahap tinggi adalah dikalangan orang-orang yang kreatif dan dapat berinteraksi secara bersemuka seterusnya dapat mengendalikan projek yang disertai. Penglibatan pada tahap sederhana ialah bagi mereka yang kurang memberi perhatian serta kurang berdialog. Penglibatan pada peringkat ini hanya sekadar membantu dalam perancangan aktiviti. Penglibatan peringkat rendah adalah bagi mereka yang tidak memahami

tujuan penglibatannya, tidak sekadar kepentingan perubahan dan kurang berdialog atau berinteraksi.

Penglibatan komuniti patut dijadikan sebagai pembentukan peluang yang sama kepada semua ahli komuniti untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembangunan. Ianya dapat menerangkan penglibatan komuniti mengenai masalah tempatan yang menjadikan komuniti lebih bertanggungjawab dalam menentukan kejayaan program atau projek yang dilaksanakan. Penglibatan anggota komuniti dalam jawatankuasa perancangan akan mempercepatkan lagi proses perubahan dalam pendidikan di kalangan anggota komuniti. Di samping itu, turut memberi pengalaman pembelajaran yang sangat bermakna kepada anggota komuniti .

Menggalakkan dan menyuburkan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan merupakan satu fenomena yang sihat dalam merangsang pencapaian matlamat pembangunan. Melalui penyertaan ini, proses penukaran atau penerimaan idea boleh berlaku iaitu dengan penambahan pengetahuan sediaada. Keadaan ini akan memberi semangat untuk meningkatkan penyertaan aktif. Selain faktor ganjaran yang ingin dirasai, faedah-faedah lain yang perlu diambilkira ialah tercetusnya perasaan kekitaan, rasa dimiliki dan sepunya, wujudnya komitmen terhadap nilai-nilai institusi, keinginan melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli komuniti dan kemahiran menyelaras pelbagai aktiviti pembangunan.

Justeru, jelas bahawa penglibatan atau penyertaan ahli komuniti dalam program pembangunan yang dilaksanakan adalah komponen penting bagi memastikan berjaya atau gagal sesuatu program yang dilaksanakan. Tanpa penglibatan daripada komuniti yang ingin dibangunkan, kejayaan sesuatu program pembangunan akan sukar untuk dicapai. Kerjasama yang jitu, kesedaran serta rasa tanggungjawab adalah antara syarat kejayaan perubahan minda dan sikap komuniti.

9.0 Kesimpulan

Penyertaan dan pembangunan adalah konsep yang berkaitan. Bila melihat penyertaan sebagai alat mencapai pembangunan, seolah-oleh bermakna tanpa penyertaan, pembangunan tidak akan berlaku. Sebaliknya, bila penyertaan dianggap sebagai matlamat, seolah-oleh penyertaan itu pembangunan. Walau apa dan dimensi mana melihat penyertaan, umumnya dapatlah dianggap penyertaan adalah satu bentuk tingkah laku yang melibatkan komuniti mengambil inisiatif untuk turut serta dalam apa jua rancangan, program, aktiviti atau projek yang bertujuan untuk memajukan diri mereka yang meliputi tindakan mengenalpasti keperluan, merangka pelan tindakan, strategi, mendapatkan sumber dan menggunakannya dengan baik bagi mencapai matlamat bersama. Penglibatan menyeluruh oleh anggota komuniti akan membentuk budaya penyertaan. Terdapat pelbagai bentuk penyertaan dan tahap yang dibezakan dari segi darjah kekuasaan yang dimiliki dan diguna pakai oleh komuniti. Penyertaan dan budaya penyertaan boleh dipupuk dengan berpandukan kepada beberapa prinsip asas. Apabila komuniti bandar berjaya melibatkan diri dan mempengaruhi keputusan-keputusan yang berkaitan dengan diri mereka samada sesama mereka atau dengan pihak luar yang bertujuan untuk membawa kemajuan atau perubahan, maka dapat dikatakan komuniti telah mempunyai kuasa untuk bertindak. Pada keadaan atau tahap inilah pendayaupayaan komuniti telah terbentuk. Sesungguhnya keadaan ini mudah terdapat dalam jenis penyertaan sukarela dalam kerangka sosio-budaya-politik yang mengamalkan amalan demokrasi.

Rujukan

- Annuar M. 1995. Teks Ucapan Menteri Pembangunan Luar Bandar : *Transformasi kedua kawasan luar bandar*. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Malaysia.
- Asnarulkhadi A.S. 2002. *Pengenalan pembangunan komuniti*. Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Chamhuri S, Abdul Hamid J. & Ahmad M.Z. 1995. *Industri kecil dan sederhana Semenanjung Malaysia*. Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Deakins, D. 2008. Innovation and Rural SMEs. Kertas kerja 6th Rural Entrepreneurship Conference. Anjuran Crichton University Campus, Dumfries, Scotland, 22-23 Mei.
- Definisi EKS. <http://www.smidec.gov.my/> [5 Mei 2008].
- Definisi PKS. www.smeinfo.com.my/ [5 Mei 2008]
- Graig, G.J. 1996. *Human Development*. 7th Edition. New Jersey : Prentice Hall.
- Haugh, H.M & Pardy, W. 1999. Community entrepreneurship in north east Scotland. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research* 5 (4): 163-172.
- Hisrich, R. D & Drnovsek, M. 2002. Entrepreneurship and small business research - a European perspective. *Journal of Small Business and Enterprise Development* 9 (2): 172-222.
- Ibrahim, N. 2003. *Pelan Tindakan Desa*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Institut Kemajuan Desa (INFRA). 1994. *Gerakan Desa Wawasan : Ke arah transformasi kedua luar bandar*. Kuala Lumpur.
- Institut Kemajuan Desa (INFRA). 1996. *Falsafah dan strategi pembangunan luar bandar ke arah tahun 2020*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. 1988. *Garis panduan umum Gerakan Desa Wawasan*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. 2001. *Laporan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Zon Sabah*. Kuala Lumpur.
- Kepentingan PKS. www.mecd.gov.my/ [5 Mei 2008].
- McKay, R. 2001. Women entrepreneurs : moving beyond family and flexibility. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research* 7 (4): 148-165.
- Moha Asri A. 2002. *Industri Kecil di Malaysia : Pembangunan dan masa depan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morrison, A. 2006. A contextualisation of entrepreneurship. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research* 12 (4): 192-209.
- Robinson, M. 2008. Apprising and evaluating rural entrepreneurial Opportunities : A 3-D approach. Kertas kerja 6th Rural Entrepreneurship Conference. Anjuran Crichton University Campus, Dumfries, Scotland, 22-23 Mei.
- Singh, G & Belwal, R. 2008. Entrepreneurship and SMEs in Ethiopia : Evaluating the role, prospects and problems faced by women in this emergent sector. *Gender in Management : An International Journal* 23 (2): 120-136.
- Yahaya I. 2008. *Pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.